

08/09/1999

Melahirkan usahawan Bumiputera serba boleh

KONGRES Ekonomi Bumiputera Keempat (KEB-4) akan diadakan selama dua hari mulai Jumaat ini. Ia akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Pelbagai perkara akan dibincang dan dikupas bagi menyediakan Bumiputera yang berpengetahuan ekonomi pada alaf baru. Wartawan Berita Harian, Kadir Dikoh mendapatkan pandangan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Tan Sri Tajudin Ramli dan Naib Presiden DPMM, Syed Amin Aljefri yang menjadi penganjur bersama kongres yang terakhir untuk alaf ini.